

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/1997
April 1997

PDP 424 - Kaedah Mengajar Bahasa Malaysia II

(Masa: 2 jam)

Jawab soalan 1, dan pilih dua soalan yang lain.

1. Pada peringkat menengah atas, pelajar perlu dilatih untuk menjadi pembaca yang cekap dan berdikari supaya mereka dapat belajar dengan berkesan.
 - a) Nyatakan lima ciri pembaca yang cekap dan berdikari. [10 markah]
 - b) Terangkan bagaimana guru dapat membantu pelajar membina kemahiran tersebut melalui bacaan intensif dan bacaan ekstensif. [30 markah]
2. Dalam Program Bahasa Malaysia Sekolah Menengah, pengajaran unsur sastera mendapat peruntukan satu waktu bagi setiap minggu.
 - a) Nyatakan lima unsur sastera yang harus diserapkan dalam pelajaran Bahasa Malaysia. [10 markah]
 - b) Pilih dua unsur sastera dan cadangkan langkah-langkah pengajaran dengan menggunakan bahan petikan cerpen. [20 markah]
3. Pelajar dalam tingkatan enam harus belajar melalui strategi pengajaran dan pembelajaran yang sesuai.
 - a) Nyatakan empat prinsip pengajaran dan pembelajaran. [10 markah]

...2/-

- b) **Kemukakan lima langkah pengajaran yang sesuai bagi mengajarkan tajuk “Sejarah Perkembangan Bahasa Melayu” mengikut strategi sinergogi.**
[20 makah]
4. **Aktiviti kokurikulum perlu dirancang dengan teliti bagi mengukuhkan proses pendidikan bahasa di sekolah.**
- a) **Nyatakan empat peranan guru penasihat Persatuan Bahasa Malaysia.**
[10 markah]
- b) **Berdasarkan lima contoh aktiviti pada satu semester, jelaskan bagaimana aktiviti persatuan dapat mengukuhkan penguasaan kemahiran berbahasa pelajar.**
[20 markah]
5. **Kajian tindakan dapat digunakan bagi meningkatkan amalan ikhtisas guru di dalam kelas.**
- a) **Nyatakan lima langkah bagi menjalankan kajian tindakan.**
[10 markah]
- b) **Berdasarkan satu masalah pengajaran bahasa, huraikan langkah-langkah bagi menanganinya mengikut kajian tindakan..**
[20 markah]